

Pangkalan data `oracle' dinaik taraf mantapkan aplikasi infrastruktur maklumat UMP tingkatkan sistem IT

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 3 Mei - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meningkatkan keupayaan sistem teknologi maklumat (IT) apabila menaik taraf pangkalan data 'Oracle' bagi membolehkan prasarana itu lebih mantap dan berkesan di universiti tersebut. Sistem yang dikenali sebagai Oracle 11g dan Oracle Real Application Cluster (RAC) ditingkatkan bagi aplikasi infrastruktur bermaklumat sejajar dengan keperluan universiti itu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kemudahan itu bukan sahaja dapat dimanfaatkan di kalangan 7,000 warganya, malah, orang ramai termasuk bakal pelajar yang berkunjung ke laman web rasmi universiti tersebut boleh mencapai akses dengan lebih mudah dan pantas.

"Kelebihan pangkalan data itu dapat menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti warga kerja UMP dalam membangunkan sistem

penyampaian serta perkhidmatan menggunakan teknologi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran penggunaan Oracle 11g dan penyerahan dokumen naik taraf sistem aplikasi UMP, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Sektor Teknologi Jualan Awam Oracle Corporation Malaysia, Saiful Lizam Mohd. Khamis.

Universiti itu yang mengamalkan Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) menggunakan aplikasi E-Komuniti, IMS Kewangan, IMS Sumber Manusia dan portal akademik dalam urusan pentadbirannya sejak 2003.

Daing Nasir berkata, kelebihan itu memberi jaminan keselamatan data dan maklumat penting universiti yang disimpan mengikut masa sebenar.

Tambahnya, langkah itu dilihat sebagai satu maklum balas positif terhadap usaha menjadikan universiti itu lebih berdaya saing dan meningkatkan kecekapan pada masa depan.



DAING Nasir Ibrahim (dua dari kanan) bersama Saiful Lizam Mohd. Khamis (dua dari kiri) pada majlis pelancaran penggunaan Oracle 11g di Kuantan, baru-baru ini.

UM (Helo) Keln 4/5/11 ms 26